

Untung Matrix Concepts naik 51.6 % suku pertama 2022

PETALING JAYA – Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) memulakan tahun kewangan 2023 dengan langkah kanan setelah merekodkan pertumbuhan keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah RM46.2 juta bagi suku tahun pertama berakhir 30 Jun 2022, 51.6 peratus lebih tinggi berbanding RM30.5 juta tahun sebelumnya.

Perolehan turut meningkat sebanyak 40.3 peratus kepada RM229.3 juta, daripada RM163.4 juta tahun lalu.

Prestasi itu didorong sumbangan pendapatan lebih baik daripada harta tanah kediaman dan komersial Kumpulan, terutamanya pembangunan di Sendayan, selain jualan harta tanah perindustrian di Sendayan Tech Valley.

Tiga projek kediaman terbaiknya di Sendayan yang dilancarkan suku berkenaan iaitu Aluna @ Nusari Aman, Lyra @ Bayu Sutera, dan Celia @ Tiara Sendayan dengan jumlah nilai pembangunan kasar RM281.7 juta turut mendapat sambutan dengan purata kadar pengambilan 99 peratus setakat 31 Julai 2022.

Kumpulan mengisyiharkan dividen interim pertama sebanyak tiga sen sesaham untuk tahun kewangan 2023 dengan nilai



MOHAMAD HASLAH (kiri) dan Pengasas Matrix, Datuk Seri Lee Tian Hock.

keseluruhan RM25 juta, mewakili 54.2 peratus daripada PAT bagi suku tahun pertama 2023.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, dalam iklim tidak menentu kini, pihaknya memberi penekanan lebih besar untuk menyediakan pelanggan cadasan nilai kukuh dengan penawaran pelbagai pakej pemilikan rumah pada harga berpatutan.

"Peningkatan menyeluruh dalam suku pertama tahun kewangan semasa menunjukkan prospek pertumbuhan positif,

walaupun daripada asas rendah suku pertama tahun kewangan 2022 terjejas akibat pandemik.

"Kami berjaya kurangkan kesan kekurangan bahan mentah dan gangguan rantai bekalan dalam proses mempercepatkan pengambilan pekerja asing untuk menyelesaikan cabaran itu," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, Kumpulan menyusun pelancaran projek lebih RM1.5 bilion pada tahun kewangan 2023 merentasi daerah Seremban, negeri Johor dan Lembah Klang," ujarnya.